

**From:** Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>  
**Sent:** Monday, 11 May, 2020 12:47 PM  
**To:** norazlinaabdjilil@gmail.com  
**Subject:** Fw: PKP 3: PKU Sediakan Kemudahan Medicine2u

**Daripada:** UUM CORPORATE COMM.  
**Dihantar:** 18 April 2020 13:03  
**Kepada:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subjek:** PKP 3: PKU Sediakan Kemudahan Medicine2u




UUM Corporate Comm.  
Universiti Utara Malaysia

18 APRIL 2020 / 24 SYAABAN 1441H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nur Syafiqah Rozizan (Pelajar Pelatih dari SMMTC)

**PKP 3: PKU SEDIAKAN KEMUDAHAN MEDICINE2U**



**UUM ONLINE:** Lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 28 April ini, Pusat Kesihatan Universiti (PKU) mengambil inisiatif bagi membantu warga kampus yang ingin mengambil ubat-ubatan tanpa perlu datang ke kampus menerusi 'Medicine2U'.

Pengarah PKU, Dr. Adi Azhar Abdul Razak berkata, Medicine2U itu adalah sistem penghantaran ubat susulan bagi memudahkan staf yang tinggal di luar kampus khususnya.

Menurutnya, perkhidmatan tersebut adalah untuk staf, tanggungan staf dan pesara yang tinggal lebih 10 kilometer (km) dari kampus UUM, manakala staf yang tinggal berhampiran hanya perlu datang terus ke PKU.

Katanya, penghantaran ubat oleh PKU itu adalah ubat susulan atau '*Continue Medication*' sahaja.

"Staf, tanggungan staf atau pesara tidak dibenarkan meminta ubat baru dan mereka diminta untuk mendapatkan rawatan di klinik-klinik berdekatan sekiranya perlu.

"Selain itu, ubat yang memerlukan penyampaian khas 'ubat sensitif suhu' atau ubat kegunaan semasa keadaan akut '*Acute Condition*' juga tidak dibenarkan," katanya.

Beliau berkata, bagi pengambilan ubat menerusi Medicine2U itu, doktor perubatan bertugas akan menyemak sejarah pengambilan ubat yang terbaru untuk di preskrip semula selama satu (1) bulan.

Menurutnya, Unit Farmasi akan menyediakan ubat berdasarkan preskripsi doktor perubatan.

"Kemudian, pemandu dari PKU akan menghantar ubat-ubat yang telah dibungkus mengikut nama pesakit ke pondok pengawal Taman Siswa di Jitra pada keesokan harinya.

"Mereka yang layak boleh mengambil ubat tersebut di pondok pengawal Taman Siswa," katanya.

Dr. Adi Azhar berkata, staf dan pesara yang ingin mendapatkan perkhidmatan Medicine2U diminta untuk menghubungi kaunter rawatan (2525) untuk pendaftaran terlebih dahulu.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.